

Utusan Malaysia - Projek Pemangkin Ekonomi Tingkat Taraf Hidup Rakyat

Isnin, Apr 23 2018

Projek pemangkin ekonomi tingkat taraf hidup rakyat

UM 21/4.

KUALA LUMPUR 20 April - Kerajaan melaksanakan projek-projek pemangkin ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan bukannya seperti pembangkang yang ingin membatalkan projek berkenaan semata-mata kerana agenda politik, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, pembangkang tidak memikirkan kesan terhadap ekonomi negara dan kepentingan rakyat sekiranya mereka membatalkan projek pemangkin ekonomi.

Najib yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, Malaysia memerlukan projek-projek rang-

sangan ekonomi terutamanya di kawasan yang sedang membangun untuk melonjakkan ekonomi dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Antara projek rangsangan ekonomi itu adalah projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR), Lebuhraya Pan Borneo, Bandar Malaysia, Tun Razak Exchange, Transit Aliran Massa (MRT), Pengerang dan KL118, kata beliau.

“Ini kerana kerajaan berharap agar pembangunan dapat dirasai di seluruh negara dan oleh setiap lapisan masyarakat,” katanya dalam blog www.najib-razak.com. hari ini.

Najib berkata, bagaimanapun, pembangkang mahu mencantas projek-projek perangsang ekonomi tersebut sekiranya mereka memerintah negara.

Katanya, sekiranya projek pembangunan itu dibatalkan, sebanyak 2.2 juta peluang pekerjaan akan hilang termasuk pekerja mahir yang berpendapatan lebih RM3,000.

“Dengan membatalkan projek ECRL, negeri-negeri Pantai Timur tidak menerima pembangunan seiring dengan Lembah Kelang.

“Faktor ini menyebabkan

pendapatan rakyat di Pantai Timur selama ini sukar ditingkatkan. - BERNAMA
